

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 18 MEI 2015

RUJUKAN : 7838

SOALAN:

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pekerja asing berdaftar dan tanpa izin di negeri-negeri di Malaysia dan bilangan mereka mengikut sektor-sektor.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 30 April 2015 adalah seramai 1,946,152 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Pecahan mengikut sektor bagi tempoh sehingga 30 April 2015 adalah seperti berikut :

BIL.	SEKTOR	JUMLAH (ORANG)
1.	Perkilangan	727,896
2.	Pembinaan	368,051
3.	Perladangan	289,313
4.	Perkhidmatan	253,573
5.	Pertanian	160,326
6.	Pembantu Rumah	146,993

Mengenai statistik pendatang asing tanpa izin (PATI), Kementerian ini tidak mempunyai rekod yang khusus memandangkan sehingga kini rekod yang dimiliki oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah berdasarkan pas yang dikeluarkan kepada pekerja asing yang bekerja di negara ini iaitu Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa masih terdapat PATI yang berada dalam negara. Seseorang warga asing boleh juga dianggap sebagai PATI sekiranya melakukan kesalahan seperti tinggal lebih masa, melanggar Syarat Pas, tidak memiliki Pas/Permit yang sah atau menggunakan Pas/Dokumen Palsu.

Berdasarkan 3,003 jumlah operasi penguatkuasaan yang dijalankan bagi tempoh 1 Januari 2015 sehingga 30 April 2015 seramai 80,581 orang warga asing telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut seramai 19,007 orang adalah merupakan PATI. Sehubungan ini, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berterusan bertujuan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang berada di dalam negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN : 36

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapakah jumlah penumpang yang menggunakan tiap-tiap satu lapangan terbang Alor Setar, Johor Baharu, Kota Bharu dan Kuala Terengganu pada suku pertama 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penumpang yang menggunakan tiap-tiap satu lapangan terbang Alor Setar, Johor Bahru, Kota Bharu dan Kuala Terengganu pada suku pertama 2015 adalah seperti berikut:

Bil	Lapangan Terbang	Jumlah Penumpang
1	Alor Setar	173 ribu
2	Johor Bahru	623 ribu
3	Kota Bharu	476 ribu
4	Kuala Terengganu	187 ribu